



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK EYO HOCK SENG
TOKOH WAYANG KULIT (WAYANG KULIT SIAM)**

OLEH:

**MUHAMMAD FARIS FARHAN BIN MOHD SHUKRI 2021106223
MUHAMMAD AFIQ HAKIMI BIN SABRI 2021127813**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KURSUS
IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAR 2023 - AUG 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaan daripada-Nya dapat juga kami menyiapkan serta menyempurnakan tugas wawancara bagi kursus IMR604 iaitu satu kursus mengenai Pendokumentasian Sejarah Lisan dengan tokoh yang telah dipilih oleh kami. Kami juga bersyukur kerana dapat menghantar tugas ini mengikut masa yang telah ditetapkan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Eyo Hong Seng kerana telah memberikan kerjasama yang baik sebelum dan juga semasa kami melaksanakan sesi temubual ini bersama beliau. Terima kasih juga diucapkan kepada Encik Eyo Hong Seng kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual oleh kami serta sudi berkongsi pengalaman dan juga kisah hidup beliau sepanjang beliau melibatkan diri dalam bidang wayang kulit ini. Tanpa kerjasama yang baik daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Selain daripada itu, terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah mengajar kami untuk subjek IMR604 (Oral Documentation) ini. Beliau merupakan seorang pensyarah yang bertanggungjawab dan sangat komited dalam membantu para pelajar sepanjang tempoh untuk menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah membantu para pelajar dengan menyediakan garis panduan yang sangat lengkap kepada kami semua mengenai tugas ini. Dengan adanya bimbingan daripada beliau, kami semua telah Berjaya menyiapkan tugas ini dengan lebih mudah.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan sekelas kerana banyak membantu sepanjang tempoh kami menyiapkan tugas ini. Terima kasih juga diucapkan atas tunjuk ajar serta pandangan-pandangan yang diberikan kepada kami baik secara langsung ataupun secara tidak langsung. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN.....	ii
ABSTRAK.....	2
SENARAI SINGKATAN.....	4
RUJUKAN KATA.....	6
1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	8
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA	8
1.2 PENEMUBUAL KEDUA	9
2.0 BIODATA TOKOH	11
2.1 PENGENALAN TOKOH	12
3.0 SEJARAH LISAN.....	14
3.1 PENGENALAN	14
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....	15
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN	15
4.0 KAJIAN LITERATURE.....	17
4.1 TOPIK: SENI WAYANG KULIT.....	17
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH.....	21
6.0 LOG WAWANCARA.....	53
7.0 GLOSARI	59
8.0 INDEKS.....	61
9.0 BIBLIOGRAFI.....	66
10.0 LAMPIRAN.....	68
10.1 DIARI PENYELIDIKAN	68
10.2 SENARAI SOALAN.....	74
10.3 SURAT PERJANJIAN.....	79
10.4 GAMBAR, SIJIL-SIJIL & BAHAN BERKENAAN.....	80

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Abstrak ini membincangkan seni persembahan tradisional atau dikenali sebagai Wayang Kulit Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk memperoleh dan memelihara maklumat mengenai seni budaya tradisional Wayang Kulit Kelantan. Sejarah lisan mengenai seni budaya Wayang Kulit mampu menjadi bukti kewujudan dan pelbagai informasi yang bernilai yang dapat disimpan dan dipelihara demi para ilmuan dan para penyelidik. Selain itu, objektif kajian sejarah lisan ini adalah untuk mengesan asbab generasi muda tidak lagi berminat dengan seni budaya Wayang Kulit Siam, untuk mengetahui mengapa seni budaya Wayang Kulit Siam jarang dimainkan dan juga untuk mengkaji mengapa seni budaya tersebut ditelan zaman. Pengkaji telah menjalankan kajian dengan kaedah kualitatif bagi membantu mendapatkan maklumat dengan mudah dan mencukupi. Pak Cu tok dalang merupakan salah seorang tokoh yang berbangsa Cina yang masih mengekalkan seni budaya Wayang Kulit Siam ini dikalangan masyarakat. Hasil kajian mendapati maklumat mengenai seni budaya Wayang Kulit Siam serta maklumat peribadi mengenai tokoh yang memainkan Wayang Kulit Siam dan maklumat daripada kajian ini tertumpu kepada seluruh lapisan masyarakat dan juga para pengkaji. Pengumpulan data dan informasi mengenai seni budaya Wayang Kulit Siam diharapkan mencukupi dan bertindak sebagai bukti yang kukuh tentang seni budaya tradisional Wayang Kulit Siam. Kata kunci: Seni Budaya, Wayang Kulit Siam, Sejarah Lisan, Tok Dalang, Tradisional.*

Kata kunci: *Seni Budaya, Wayang Kulit Siam, Sejarah Lisan, Tok Dalang, Tradisional.*

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

EHS: Eyo Hong Seng

MFF: Muhammad Faris Farhan

MAH: Muhammad Afiq Hakimi

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Buleh	Boleh
Bomo	Bomoh
Budok	Budak
Buke	Bukan
Cito	Cerita
Dok	Tidak
Dio	Dia
Daripado	Daripada
Dale	Dalam
Gano	Macam mana
Kat	Dekat
Kecik	Kecil
Kalu	Kalau
Muto	Motorsikal
Nok	Nak
Permaine	Permainan
Pastu	Selepas itu
Sembile belah	Sembilan belas
Tok	Atuk
Takda	Tiada
Takdo	Tiada
Wak	Buat

BIODATA

PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



Penemubual Pertama

NAMA	MUHAMMAD FARIS FARHAN BIN MOHD SHUKRI
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	LUMUT, PERAK
ALAMAT	WAKAF BHARU, KELANTAN
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	IM245

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Penemubual Kedua

NAMA	MUHAMMAD AFIQ HAKIMI BIN SABRI
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	ALOR SETAR, KEDAH
ALAMAT	SUNGAI PETANI, KEDAH.
NOMBOR TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	IM245

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH



NAMA	EYO HOCK SENG
NAMA SAMARAN	PAK CU/ TOK DALANG
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	
ALAMAT	PASIR MAS, KELANTAN.
NO. TELEFON	
EMEL	
PROFESION	TOK DALANG
BIDANG	WAYANG KULIT

2.1 PENGENALAN TOKOH

Eyo Hock Seng atau lebih dikenali sebagai Pak Cu Tok Dalang merupakan satu-satunya Tok Dalang yang berbangsa Cina yang masih aktif bermain wayang kulit di Kelantan. Anak kelahiran Kampung Pasir Parit, Pasir Mas ini sudah bermain wayang kulit Kelantan ini sejak lebih separuh abad yang lalu. Eyo Hock Seng atau Pak Cu meminati wayang kulit semenjak berusia 9 tahun lagi melalui pemerhatian kesenian di sekitar kampungnya apabila sering mengikuti permainan ini di serata tempat di Kelantan.

Berbekalkan minat yang mendalam, beliau telah menghafal cerita-cerita yang ditontonnya dan mula meniru setiap gerak-geri dalang yang membuat persembahan ketika itu untuk mendalami ilmu pendalangan ini dan menyimpan hasrat untuk menjadi dalang wayang kulit yang terkenal. Pak Cu telah berguru dengan beberapa Tok Dalang, antaranya seorang dalang yang mashyur ketika itu iaitu Pakcik Asin atau nama sebenarnya Hashim bin Isa. Pakcik Asin menyedari bakat dan kebolehan Pak Cu telah mengambilnya sebagai anak murid. Pak Cu juga berguru dengan Tok Dalang Wayang Kulit tersohor iaitu Allahyarham Abdullah Ibrahim atau Dollah Baju Merah ketika berusia 23 tahun.

Bagi memastikan seni budaya ini dijunjung dan kekal menjadi seni budaya negara, Pak Cu menubuhkan Kumpulan Wayang Kulit Sri Campuran pada tahun 1983 yang dianggotai pelbagai kaum terdiri daripada Melayu, Cina dan Siam dan memenuhi undangan dalam dan luar negara antaranya Brunei, Indonesia, Taiwan, Thailand, Perancis dan berupaya mengangkat seni wayang kulit ke peringkat antarabangsa serta menjadi pakar rujuk seni budaya ini.

Pelbagai anugerah telah diperoleh oleh Pak Cu sepanjang penglibatan beliau dalam seni budaya ini, antaranya Tokoh Orang Hidup di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) yang dianugerahkan oleh Jabatan Warisan dan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan 2014, Anugerah Budaya Kelantan 2010 oleh Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan dan Tukang Ulung (Kraf Aneka Wayang Kulit) 2014 oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

PENGENALAN

3.0. SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan boleh diertikan sebagai satu kaedah di mana seseorang tokoh itu diwawancara mengenai kisah hidup atau perjalanan hidup beliau (UKM, 2007). Kebiasaannya, tokoh-tokoh yang dipilih untuk diwawancara terdiri daripada mereka yang mempunyai dan menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman mereka sendiri. Sejarah lisan boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia. Sebagai contoh, sejarah lisan mengenai tokoh yang masih hidup adalah seperti individu-individu yang terlibat dalam peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, peristiwa darurat, pejuang-pejuang kebangsaan, kemerdekaan dan sebagainya (Siti Roudhah et al., 2012). Segala maklumat yang diperolehi melalui proses wawancara itu kemudiannya akan disalin dan dicatat seterusnya disemak dan ditaip supaya boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan oleh generasi yang akan datang.

Selain itu, menurut (Siti Roudhah et al., 2012) sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Sejarah lisan wujud dalam waktu berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden. Sejarah lisan ini boleh dikatakan sebagai satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Siti Roudhah et al., 2012).

Tambahan pula, sejarah lisan juga bertujuan untuk memelihara pengetahuan dan pengalaman sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini merangkumi proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang kisah dan pengalaman orang yang terlibat secara langsung atau hanya sekadar menyaksikan peristiwa tersebut. Dengan kata lain, dengan melakukan sejarah lisan terhadap seseorang, mereka boleh berkongsi pengalaman tentang apa yang mereka telah lalui dalam kehidupan mereka. Oleh itu, sejarah lisan boleh dijadikan sebagai sebuah jambatan yang boleh menghubungkan masa lalu dengan masa kini (Mahani Musa, 2017).

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

- Untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang liku-liku kehidupan Tokoh kami sepanjang berada dalam bidang seni wayang kulit.
- Mengkaji tentang latar belakang Tok Dalang dalam seni wayang kulit Siam.
- Menganalisis tentang kerjaya, pencapaian dan sumbangan Encik Eyo Hock Seng (Pak-Cu) dalam bidang seni wayang kulit Siam.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Matlamat sejarah lisan adalah untuk merekodkan atau menulis dokumen lisan daripada keterangan proto, keterangan saksi mata, khabar angin, atau tradisi lisan. Satu lagi matlamat sejarah lisan adalah untuk mengumpulkan kenangan dan pengalaman individu yang merupakan sumber utama untuk tempoh sejarah tertentu. Disebabkan kekurangan sumber bertulis dan bukti arkeologi yang banyak, sejarah lisan merupakan bidang penting dalam sejarah sejarah. Oleh itu, sejarah lisan telah menyumbang kepada pelengkapan sumber sejarah dan berfungsi sebagai sumber tambahan kepada sumber utama yang lain. Menurut A.R. Fry dan W. Baum (1969) seperti yang dipetik oleh Mohd Amin Hassan (1974), pakar dalam bidang sejarah lisan yang bersidang pada tahun 1968 bersetuju menerima definisi sejarah lisan secara umum sebagai:

“Satu kaedah untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat sejarah dalam bentuk lisan, biasanya pada pita”

Kepentingan sejarah lisan ialah:

- Untuk melengkapkan analisis yang teliti dan mantap, isikan ruang dalam bahan bertulis dan jadikan sumber tambahan.
- Memberi individu peluang untuk mentafsir bahagian mereka dalam mencari ketepatan sejarah
- Mencipta sumber unik yang boleh menyelubungi sepenuhnya emosi pelaku dalam kejadian itu
- Berkhidmat sebagai alternatif kepada autobiografi dan memoir
- Memelihara dan merekodkan tradisi lisan yang semakin pupus
- Mempelbagaikan sumber untuk lebih memahami dan melindungi sejarah negara

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATURE

4.1 TOPIK: SENI WAYANG KULIT

Menurut (Nor Raihanah Husain, 2007) permainan wayang kulit yang merupakan seni yang menggunakan patung boneka yang bercorak unik yang dimainkan di sebalik kain dan pancaran lampu di belakang tabir dan diselitkan juga adegan-adegan lucu untuk menarik perhatian para penonton. Dimainkan oleh kebanyakan orang Melayu di Kelantan, wayang kulit sering dipersembahkan di sebuah bangsal atau panggung yang dilengkapi dengan alatan muzik dan pelbagai jenis patung dengan pelbagai watak (Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, 2020). Patung wayang kulit diukir dan dibuat dengan bentuk mengiring dan kebanyakannya diukir dengan memegang senjata atau berdiri atau menunggang naga dan sebagainya (Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2020). Tambahan pula, wayang kulit merupakan salah satu persembahan yang dipersembahkan di upacara keramaian pada suatu ketika dahulu sebelum wujudnya elektronik dan teknologi canggih (Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2020).

Berdasarkan kajian teliti daripada pengkaji wayang kulit (Jacques Brunet, 1974) wayang kulit pada asalnya berasal daripada India oleh kerana terdapat beberapa persamaan karikatur antara patung-patung yang terdapat di Thailand, Kemboja dan India. Akan tetapi, seperti yang dinyatakan oleh (Mana Sikana, 1945) wayang kulit dikatakan berasal daripada Jawa dan dikembangkan sehingga ke Tanah Melayu dan pada abad ke 13 dan 14, Tanah Melayu dipopularkan dengan permainan seni wayang kulit. Tambahan pula, ada pula yang mengatakan seni budaya Wayang Kulit ini sudah lama wujud di Kemboja yakni selama lebih seribu tahun dan kemudiannya di Laos dan juga Thailand (Universiti Malaysia Kelantan, 2021). Oleh yang demikian, ada yang mengatakan bahawa asalnya wayang kulit ini daripada Jawa serta mempunyai bukti yang kukuh untuk kenyataan tersebut oleh kerana cerita daripada kayangan dan alatan muzik yang dimainkan serta cara ukirannya dan banyak lagi (Budaya Wayang Kulit, 2009). Fakta yang menarik dari sebuah kenyataan mengenai asal usul wayang kulit siam ini adalah asalnya daripada negara China oleh kerana menurut cerita legenda pada zaman dahulu tentang Raja Han Wu Ti (Sejarah Kelantan Wordpress, 2012). Setelah itu, seni budaya kebudayaan wayang kulit ini kemudiannya tersebar di serata Asia dan sering dimainkan di negara Malaysia (Nor Raihanah Husain, 2007).

Beberapa artikel telahpun dikaji untuk mendalami ilmu pengetahuan dan sejarah mengenai wayang kulit siam di Kelantan. Unikny wayang kulit siam ini adalah dari segi isi kandungan dan jalan cerita yang terkandung dalam wayang kulit siam ini (Nor Raihanah Husain, 2007). Tambahan pula, wayang kulit siam ini juga menggunakan dialek Kelantan yang menjadikan wayang kulit siam lagi menarik dan mendapat sokongan dari penonton di atas pembinaan hasil seni yang kreatif dan unik (Nor Raihanah Husain, 2007). Berdasarkan (Ghulam-Sarwar Yousouf, 1990), terdapat beberapa persamaan antara wayang kulit siam dan wayang kulit yang lainnya yang terdapat di negara ini yakni sesetengah jalan cerita yang digunakan dalam wayang kulit siam dan wayang kulit yang lainnya bersumberkan cerita yang terkenal daripada India iaitu Ramayana dan Mahabrata. Namun begitu, jalan cerita tersebut telah pun diubah menjadi konsep tradisi Melayu dan Siam bagi wayang kulit siam (Ghulam-Sarwar Yousouf, 1990). Namun setelah itu, cerita-cerita itu kemudiannya tidak diubah suai dan masih mengekalkan jalan cerita yang sama dan asli (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2003).

Asalnya wayang kulit siam di Kelantan ini dikatakan terkenal dan dikenali oleh kerana dikatakan pemerintahan di Kelantan adalah di bawah pengaruh pemerintahan daripada orang Patani dan sewaktu itulah wayang kulit siam diwujudkan dan diperkenalkan (Nor Raihanah Husain, 2007). Tambahan pula, wayang kulit siam pada awalnya dimainkan dengan penggunaan bahasa Siam namun telah diterjemahkan oleh rakyat tempatan dan sehingga kini wayang kulit siam dimainkan dengan penggunaan dialek Kelantan (Nor Raihanah Husain, 2007). Menurut (Mana Sikana, 1945) wayang kulit siam telah menempah nama di pantai timur semenanjung Malaysia yakni di Kelantan selama kira-kira lebih 250 tahun dahulu.

Berdasarkan artikel yang dikaji, dalam penghasilan sebuah jalan cerita wayang kulit yang menarik, ilmu pendalangan amatlah penting dan harus dipelajari oleh setiap dalang yang bakal membawa jalan cerita tersebut (Jamaluddin Osman, 2002). Oleh itu, dalang yang berkemahiran perlu belajar teknik pendalangan yang terdiri daripada dua cara yakni formal dan informal (Jamaluddin Osman, 2002). 'Aturan dalang' merupakan kata ganti bagi proses pendalangan yang dikawal (Jusoh Morak, 1998). Sistem pendalangan amat penting bagi menghasilkan hubungan baik antara murid dan

guru, mengekalkan tradisi wayang kulit, dan untuk menentukan tahap pencapaian murid atas ilmu yang dipelajari (Jamaluddin Osman, 2002). "Menimba ilmu tanpa berguru ibarat anak yang dilahirkan tidak berbapa atau digelar anak haram." (Dollah Baju Merah, 1998),

TRANSKRIP

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sesi pertama sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang wayang kulit. Bersama-sama kami ialah Encik Eyo Hock Seng yang merupakan seorang tokoh wayang kulit terkenal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 Julai 2023 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 3 petang bertempat di kediaman Encik Eyo Hock Seng. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Afiq Hakimi Bin Sabri dan Muhammad Faris Farhan Bin Mohd Shukri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PETUNJUK:

EHS: Eyo Hock Seng

MFF: Muhammad Faris Farhan

MAH: Muhammad Afiq Hakimi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MFF: Baiklah, untuk bahagian satu, latar belakang tokoh. Apakah nama penuh ataupun nama panggilan tuan?

EHS: Nama saya - nama penuh saya Eyo Hock Seng, tapi orang panggil Pak Cu lah ataupun tok dalang

MFF: Tok Dalang?

EHS: Haaa

MFF: Adakah ada lagi nama gelaran lain?

EHS: Haaa takdo [tiada] lah biasanya Pak Cu ataupun Tok Dalang

MFF: *Okay* [baik]

MFF: Umur Pak Cu dan tempat lahir?

EHS: Umur saya sekarang ni enam puluh lapan tahun [68] tahun, saya lahir pada tahun sembilan belas lima puluh lima [1955].

MFF: Siapakah nama kedua ibu bapa Pak Cu?

EHS: Ibu bapa saya - dia semuanya dah meninggal tapi nama dia ayah saya nama dan - ibu saya bernama

MFF: *Okay* [baik], seterusnya

MFF: Berapakah bilangan adik beradik Pak Cu dan Pak Cu anak ke berapa?

EHS: Bilangan adik beradik saya dalam lapan [8] orang, - lima [5] perempuan tiga [3] laki-laki, saya ni __ merupakan anak bongsu

MFF: Bongsu (angguk kepala)

MFF: Bilakah Pak Cu berkahwin dan berkeluarga?

EHS: Saya berkahwin dalam tahun sembilan belas lapan puluh [1980]

MFF: Siapakah nama isteri Pak Cu dan berapa usia isteri Pak Cu?

EHS: - __ _ isteri saya nama GA Mekluwee, GA Mekluwee - berusia sama dengan saya

MFF: Adakah Pak Cu mempunyai anak? Berapakah bilangan anak-anak Pak Cu?

EHS: Anak saya mempunyai - tujuh [7] orang, - tujuh [7], - lima [5] laki-laki dan dua [2] perempuan

MFF: Adakah anak-anak Pak Cu ni turut meminati bidang yang Pak Cu ceburi ini?

EHS: Anak-anak saya buat masa sekarang ni takda lagi, cuma dia - boleh bermain alat muzik sahaja dia tidak - belajar lagi dalam Tok Dalang

MFF: *Okay* [baik]

MFF: *Okay* [baik], adakah terdapat hobi lain yang diminati Pak Cu?

EHS: Hobi lain selain daripada wayang kulit saya saya berminat pada main peteri dan main - dikir barat, dikir barat ni saya sebagai tukang karut dan main peteri ni saya sebagai Miduk

MFF: Oh *okay* [baik]

MFF: Kami nak tanya apakah visi Pak Cu dalam usaha memperkasakan wayang kulit ini?

EHS: Macam mana?

MFF: Visi Pak Cu, apa cara-cara untuk memperkasakan wayang kulit ni

EHS: __ sejak dulu lagi sampai sekarang pun saya - terutama sekali kita berusaha - dan juga kita berminat - saya bermula ni boleh [boleh] katakan - dari saya mula sampai sekarang ni lebih kurang lima puluh 50 tahun

MFF: Oh lama juga ya

EHS: Ya (angguk kepala)

MFF: Okay [baik], bagaimanakah Pak Cu membahagikan masa bersama keluarga dan masa untuk bidang dalam wayang kulit ini?

EHS: Masa tu sebabnya dia wayang kulit ini kebanyakannya dia main waktu malam, - waktu siang kita boleh buat kerja lah, __ dia malam kalau kito [kita] macam *outstation* [ke luar kawasan] kita main luar negeri atau negara, itu terpaksa kita tinggal keluarga lah dulu buat sementara

MFF: Oh okay [baik]

TAMAT BAHAGIAN I

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

MFF: Kita beralih ke bahagian dua [2] iaitu sejarah pendidikan, bilakah Pak Cu memulakan pengajian awal di peringkat sekolah rendah?

EHS: Saya dulu __ di Kampung Pasir Parit ni, orang tua ibu saya lah - dia hantar saya ke sekolah Chung Hwa Pasir Parit iaitu sekolah Cina lah. Sekolah Cina saya sekolah sampai ke darjah tiga [3] - lepas tu orang tua saya dia nok [nak] wak [buat] kebun jauh la daripada sini lebih kurang tiga [3] kilometer. Daripada Kampung Pasir Parit ni, situ dia panggil kampung Bechah Kelubi, bila dia buat kebun dari Bechah Kelubi sebab saya sorang sahaja yang ada dekat rumah dengan dia, saya terpaksa lah ikut ibu saya pergi buat satu pondok lah, dia tinggal di pondok tu lepas tu dia pun keluarkan saya dari sekolah Cina dan masuk ke sekolah Melayu, Sekolah Kebangsaan Bechah Kelubi, saya menghabiskan di situ sampai darjah enam [6] lah.

MFF: *Okay* [baik]

MFF: Adakah Pak Cu menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas sekolah rendah?

EHS: Dok [tidak] sebabnya semasa tu dia susah orang tua kita orang susah - dia nak beli basikal apa pun tak mampu - kalau __ berjalan kaki daripada sekolah rendah sampai Sekolah Menengah Tok Uban tu lebih kurang tujuh [7] kilometer maknanya dia pun tak larat lah, jadi berhenti habis darjah enam [6] sahaja.

MFF: Oh, jauh juga lah

EHS: Ya

MFF: Semasa waktu sekolah rendah dulu, bolehkah Pak Cu berkongsi serba sedikit peristiwa pahit manis semasa zaman pengajian dahulu?

EHS: Semasa saya pengajian dulu bermaknanya boleh katakan susah lah sebab kita terpaksa berjalan kaki dalam satu [1] kilometer, lepas tu pula dia orang tua kita ni __ dia banyak -

banyak dia berkebudua dia tak larat nak menjaga saya - semasa tu saya bergaul dengan orang Melayu, semasa tu lah saya - berminat pada wayang kulit. Saya berkhidmat dalam wayang kulit tiap-tiap malam saya ikut kawan-kawan pergi tengok wayang kulit lepastu saya balik saya lukis patung dia dengan - daun kayu, haaa dengan daun kayu ikut suka lah daun getah, daun medan . _ _ - saya buat-buat tu lama-kelamaan orang tua saya tengok dia kata kalau betul-betul awak berminat pada wayang kulit, kita panggil kawan-kawan lah, haaa panggil kawan-kawan saya tu bagi bermain lah, tiap-tiap malam kita main wayang kulit - _ _ _ dengan dia punya pasang dengan dia punya layar dia, tapi wayang kulit tu kita buat daripada daun kayu. Alat-alat muzik kita gunakan alat muzik orang tua kita punyalah macam periuk ke bensen ke _ _ guna alat-alat dia sebab tu lah orang tua saya maknanya dia tidak marah tapi dia tanya kita betul-betul ke kita berminat, pastu [selepas itu] kita kata kita betul berminat _ _ maknanya dia panggil satu guru mengajar kita bermain alat-alat muzik lepas tu di mana-mana ada wayang kulit kita selalu pergi lah, kita tengok cara-cara macam mana sebab kita bernminat pada tok dalang, lepas tu kita ikut tok dalang pergi main di mana- mana di seluruh negeri Kelantan tu, dan lama kelamaan tu saya pergi ikut tok dalang pergi main - dia di tempat-tempat yang masa tu dio [dia] panggil untuk mengutip derma, maknanya daripada tiket lah, dia guna kena bayaran masuk tu, pastu [selepas itu] saya duduk sampai satu tempat tu kadang-kadang sampai satu bulan pun ada, sebab masa tu dia kita nak - berulang alik susah tidak ada kenderaan dia tidak ada basikal muti [motor] pastu kita _ _ _ pastu [selepas itu] tak balik lah sampai sebulan kadang-kadang kita kadang-kadang tak sekolah sampai sebulan, dua [2] minggu tok [tak] sekolah, tiga [3] empat [4] minggu tak sekolah macam tu lama-lama _ sebab tu lah saya minta orang tua saya kata kita berhenti lah sekolah kita nak tumpu pada wayang kulit.

MFF: Oh macam tu ya.

TAMAT BAHAGIAN II

BAHAGIAN 3: KERJAYA DALAM BIDANG WAYANG KULIT

MFF: *Okay* [baik] kita beralih ke bahagian tiga [3] iaitu latar belakang kerjaya dan pengalaman wayang kulit [bunyi suara orang]

MFF: *Okay* [baik] yang pertama, bolehkah Pak Cu terangkan serba sedikit apakah itu wayang kulit dan jenis-jenisnya?

EHS: Haaa wayang kulit ni semasa saya belajar dulu pun dia kena sekurang-kurangnya kita kena mengenali patung dia dulu. Macam watak-watak patung dia tu dia ada Sri Rama, dia ada Laksmana, dia ada Hanuman, dia ada Sri Dewi, Pak Dugol, Wak Long, Wok Yoh, Samad Said tu dalam sepuluh [10] tu dia tidak boleh, boleh tidak boleh tukar nama dan tidak boleh bertukar wajah.

MFF: *Okay* [baik]

MFF: Dari manakah asal usul wayang kulit itu dan siapakah pengasas sebenarnya?

EHS: Dia wayang kulit ni kalau mengikut guru saya dulu dia berasal dari India. Dia berasal di India lepas tu dia masuk ke Indonesia selepas - sebab wayang kulit ni dia nak sampai ke Malaysia kita ni - tidak tahu berapa - berapa puluh tahun sebab dia daripada India masuk ke Indonesia tu dia panggil Wayang Bali, Wayang Bali lepas tu daripada Indonesia dia masuk Thailand dia panggil Wayang Gedek, daripada Wayang Gedek tu [bunyi burung] dia masuk ke Malaysia dia panggil Wayang Kulit, mula-mula dia sebelum dia masuk ke negeri Kelantan dekat Malaysia ni dia masuk kat Johor, dia masuk kat [dekat] Johor tu dia panggil wayang Melayu ataupun Wayang Jawa, lama kelamaan orang Kelantan ni dia tengok, dia balik reka-reka dia punya watak dia tu daripada segi cerita dio [dia] dari segi percakapan dia dia buat loghat, loghat Kelantan lah, __ dia panggil Wayang Kulit daripada Kelantan.

MFF: *Okay* [baik]

MFF: Mengenai pengalaman dalam dunia wayang kulit, sejak bilakah wujudnya minat dalam bidang ini?

EHS: Saya minat daripado [daripada] dari umur 9 tahun lah, daripada 9 tahun sampai sekarang.

MFF: Sampai sekarang ya.

MFF: *Okay* [baik] adakah wayang kulit wayang kulit ini turun temurun daripada keluarga Pak Cu?

EHS: Tak saya ni bukan turun temurun buke [bukan] kata [bunyi kertas terselak] - tok [atuk] nenek saya ke saya __ saya bermula daripada diri saya sendiri.

MFF: Pak Cu sendiri lah?

EHS: Ya

MFF: *Okay* [baik] apakah alatan yang digunakan semasa persembahan wayang kulit?

EHS: Alat-alatan wayang kulit ni dia - menggunakan dia panggil pasangan, dia guna maknanya satu alat dia guna dua. Kalau dia kata serunai, dia ada serunai kecil [kecil] serunai besar - yang satu lagi dia panggil gedombak, gedombak dia ada juga satu pasang, yang tadi ada dua [2] gedombak anak gedombak ibu, dan lagi gendang, gendang dua [2] juga gendang anak gendang ibu dan lagi geduk, geduk dia guna geduk anak geduk ibu - gong dia guna gong anak gong ibu, macam tu jugak dengan canang dan kelicing dia semua dia pasangan dia ada dua-dua dua-dua.

MFF: Adakah persembahan wayang kulit ada muzik khusus?

EHS: Haaa dia ada muzik khusus dia tidak boleh bergabung dengan muzik moden, dia memang tak termasuk mace [macam] kita kata __ __ dale [dalam] *keyboard* [piano] ko [ke] ataupun gitar ke drum ke sebabnya kita guna alat-alat macam saya kata tadi jah [sahaja].

MFF: *Okay* [baik].

MFF: Tentang pembuatan wayang kulit, apakah peralatan yang digunakan untuk membuat patung wayang kulit itu?

EHS: Wayang kulit dia dibuat daripada kulit haaa sebab tu dia - dia bukan kalu [kalau] kata dia dibuat daripada kulit dipanggil wayang kulit, tapi kalau kita buat dengan kertas ataupun dengan plastik dia panggil juga wayang kulit sebab watak dia tu dia panggil watak wayang kulit. Tapi wayang kulit ni dia asal nak buat wayang kulit ni dia gunakan kulit lembu, haaa kulit dia ada kulit lembu, ada kulit kerbau, dia ada kulit kambing. Tengok pada watak dia lah kalau watak besar haaa kita gunakan kulit lembu atau kulit kerbau, kalau watak kecil - watak kecil tu maknanya kita guna kulit kambing.

MFF: Adakah setiap patung mempunyai karakter atau keistimewaan yang tersendiri?

EHS: Haaa dia ada sebabnya kalau orang tengok dari segi - [bunyi kertas terselak] segi patung dia tu memang kalau orang tahu dia memang sudah tahu dah ini watak Sri Rama, ini Laksamana sebabnya kalau kita tengok perbezaan dia diantara Sri Rama [bunyi burung] dan Laksamana tu memang dia wajah sama, kedudukan yang sama tetapi dio [dia] ada dia punya warna, Sri Rama kalau orang tengok Sri Rama dia warna hijau, kalu [kalau] Laksmana ni dia warna merah tapi kalau patung tu memang sama.

MFF: Oh, dia beza di warna lah?

EHS: Ya.

MFF: Kebiasaannya, bilakah waktu yang sesuai untuk persembahan wayang kulit?

EHS: Waktu yang sesuai main wayang kulit ni dia kena waktu malam ____. Haaa waktu malam kalau waktu siang pun dia kena main tempat tertutup maknanya dia menggunakan cahaya lampu.

MFF: Adakah wayang kulit ini merupakan sumber pendapatan utama Pak Cu?

EHS: Ya, wayang kulit ni maknanya macam kita kata macam - kita ni takda [tiada] kerja lain selain daripada kerja petani kat [dekat] kampung haaa kita selalunya maknanya hasil duit kita gapo [apa] ni kita masuk tu melalui main wayang kulit.

MFF: Pak Cu ada jual juga lah wayang kulit?

EHS: Haaa dulu saya - masa dulu-dulu saya __ saya buat dia punya muzik dia saya buat sendiri, patung saya buat sendiri, lepastu kadang-kadang selebih saya buat bermain tu kita jual.

MFF: Oh *okay-okay* [baik-baik]

MFF: Adakah Pak Cu ni ada kumpulan wayang kulit tersendiri?

EHS: Haaa wayang kulit semasa dulu saya dalam tahun - sembilan belas lapan puluh tiga [1983] saya tubuh, tubuh satu kumpulan sendiri lah macam kumpulan dikir lah, saya namakan kumpulan saya kumpulan Sri Campuran. __ Sri Campuran tu dia buat semasa tu anak saudara saya - adalah kawan-kawan saya tu ada pelbagai bangsa, dia ada Melayu, dia ada Cina, dia ada Iban, dia ada Siam macam tu lah. Saya namakan kumpulan Sri Campuran.

MFF: *Okay* baik.

MFF: Bilakah kumpulan itu ditubuhkan?

EHS: Ditubuhkan dalam - tahun lapan puluh empat [84] saya ingat macam tu.

MFF: Lama dah ya.

EHS: Hm (angguk kepala)

MFF: *Okay* nak tanya Pak Cu lah, selain di Pasir Mas, kawasan manakah lagi yang aktif dalam kegiatan wayang kulit ini?

EHS: Dia wayang kulit ni kalau __ __ kalau semasa dulu dia seluruh kampung dalam negeri Kelantan, dia seluruh kampung, __ __ semasa tu semasa saya mula bermain dulu saya cari semua tok dalang sebab saya nak belajar tu dia ada lebih kurang dua puluh [20] orang lebih tok dalang wayang kulit. Lepas tu bila kita dah belajar __ __ dalam setahun tok dalang ni, setahun tok dalang ni, kita buat kajian yang mana kita minat dalam permainan dia sebab masa tu saya minat kepada ada satu tok dalang tu dia panggil Dollah Baju Merah. Saya pun ikut dia kita belajar dengan dia cara main jalan cerita, cara dalam watak percakapan apa tu maknanya kita berminat, sebab dia wayang kulit ni dia kalau [kalau] satu tok dalang ni yang lain maknanya dia tak sama pun cara watak permaine [permainan].

MFF: Nak tanya mengenai muzium, bilakah Muzium Seni Warisan Pak Cu ini ditubuhkan dan bagaimana tercetusnya idea untuk menubuhkan muzium ini?

EHS: Haaa saya muzium saya ni ditubuhkan dalam tahun sembile belah (sembilan belas) [19] eh bukan dua ribu lima belas [2015]

MFF: Baru lagi lah

EHS: Haaa dua ribu lima belas [2015] __ __ sebab barang-barang ni dah lama saya simpan tapi saya tak buat dia punya muzium. Saya buat dia punya tempat simpan dia tu saya tak buat yang saya buat ni tahun dua ribu lima belas [2015] sebabnya saya cukup lah alat-alat yang saya cari simpan-simpan tu macam alat-alat dulu lah haaa macam alat-alat dulu kita kumpul simpan sebab tu masa tu [bunyi ayam berkokok] saya berniat tu sebabnya saya anak saya tu duduk kat [dekat] Kuala Lumpur [bunyi suara orang] dia kerja dalam muzium, Muzium Negara [bunyi anjing menyalak], bila dia balik jarang-jarang sekali tu dia kata ayah kena lah cari barang-barang ni simpan sebab barang ni di suatu hari nanti dia akan berharga sebab tu lah saya pun simpan-simpan saya buat sampai sekarang.

MFF: Siapakah idola Pak Cu secara umum dalam bidang ini?

EHS: Gano? [macam mana?]

MFF: Idola Pak Cu dalam bidang wayang kulit

EHS: Idola macam mana ya?

MFF: Maknanya Pak Cu punya inspirasi sampai ke harini.

EHS: Haaa sebabnya - sebabnya bila kita berkawan kita bergaul, haaa sebabnya _ _ _ dia ramai, tapi ramai pun kita tengok dari segi dia punya permainan, pertunjukan dan dia punya kemahiran sebab tu lah kita _ _ dalam ramai-ramai tu saya berminatnyanya pada satu kawan tu orang panggil Hasem Ali sebab tu dia Hasem Ali boleh buat macam-macam dari segi peteri dia boleh [boleh] main, dari segi bomoh [bomoh] maknanya semua dia boleh [boleh] buat dari segi benda-benda ni kita pun maknanya dia lah idola saya.

MFF: Okay [baik]

MFF: Pernahkah Pak Cu berkolaborasi dengan beliau sebelum ini?

EHS: Belum, dia kita *start* [mula] daripada dalam tahun dua ribu [2000] lah [bunyi anjing menyalak] dalam tahun dua ribu [2000] tu dia pun selalu datang sini boleh kata tiap-tiap kali sebabnya kita ada banyak perkara kita nak belajar dengan dia .

MFF: Okay [baik]

MFF: Adakah Pak Cu ada menentukan syarat khusus bagi seseorang untuk menjadi anak murid Pak Cu?

EHS: Dia syarat-syarat dia nak menjadi satu anak murid kita mengikut macam cara saya dulu lah terutama dia kena belajar dari segi suara, nada suara sebabnya dia nak menjadi seorang tok dalang ni sekurang-kurangnya dia ada sepuluh [10] nada suara, dia kena berbeza sebabnya kita ada watak dia banyak watak tiap-tiap watak tu dia nada suara berlainan, sebab tu kita kena belajar dulu saya dulu dalam dua [2] tahun saya belajar nada suara, lepas tu kita kena belajar cara mentera dia, jampi dia macam mana nak buka panggung nak tutup panggung macam mana nak tarik dari segi penonton biar berminat dan lagi kan _ _ kena belajar benda tu baru lah kita boleh menjadi tok dalang sebabnya ramai yang saya cuba saya test [cuba] nak jadi anak murid tu dia tu sebab dia tak boleh nada suaranya tidak boleh berbeza.

MFF: Adakah wayang kulit ini hanya dikhususkan untuk lelaki sahaja ataupun perempuan juga turut digalakkan menyertai wayang kulit ini?

EHS: Dia kalau menjadi kalau nak jadi tok dalang ni sebab dia tidak ada pantang larang, dia tidak ada maknanya pelbagai bangsa kaum, tapi dia - dia nak main wayang kulit ni dia kena kalau boleh dia ni laki-laki lah, sebabnya kita cuba test [cuba] banyak daripada pelajar-pelajar universiti yang datang nak belajar perempuan lah sebabnya perempuan ni dia tidak boleh [boleh] buat suara laki-laki, haaa itu lah sebabnya kalau laki-laki dia boleh buat suara perempuan, dia dalam wayang kulit ada laki ada perempuan suara dia berbeza kalau orang perempuan dia tak boleh buat suara laki-laki.

MFF: Oh macam tu ya

MFF: Biasanya, berapa lamakah masa yang diperlukan untuk membuat latihan dalam satu sesi?

EHS: Kalau [kalau] kita nak belajar dia betul-betul dalam masa dua [2] tahun lepas tu pula kita kena apa nama ni kalau [kalau] nak __ __ main suatu tempat tu kita tengok keadaan cara permainan dia, kalau ada dia ada masuk dalam dia panggil wayang kulit *modern* [moden], bila dalam wayang kulit moden kita kena maknanya kena buat *rehearsal*! [raptai] sekarang-kurangnya seminggu __ __ sebabnya dia punya dialog, dia punya maknanya tema dia.

MFF: Bagi Pak Cu apakah keistimewaan bidang seni wayang kulit ini kepada Pak Cu sendiri?

EHS: Bagi saya maknanya kita ni sebagai peminat lah setia wayang kulit ini boleh katakan - boleh cari makan.

MFF: *Okay* [baik] seterusnya, pada pendapat Pak Cu, adakah seni wayang kulit ini dikategorikan sebagai aktiviti kebudayaan yang patut disanjung?

EHS: Dia sebabnya wayang kulit ni dia pertama kita kata bukan sekadar hiburan sebabnya wayang kulit ni kita boleh [boleh] menyampaikan mesej - boleh menyampaikan nasihat aaaa

apa yang berlaku keadaan semasa, apa yang sudah berlaku, apa yang belum berlaku maknanya dia dalam wayang kulit ni dia ada dia boleh buat benda-benda ni dan satu lagi dalam wayang kulit dia banyak ciri-ciri dia kita boleh masuk dalam dikir barat, dia boleh masuk dalam mak yong, boleh masuk dalam peteri, dia boleh masuk dalam wayang kulit sebabnya dalam wayang kulit ni dia bukan setakat bermain wayang kulit sahaja tapi kita tengok keadaan tempat dan juga peminat, peminat dia suka wayang kulit ni dia suka dari segi cerita dia ataupun dari segi lawak jenaka, dari segi nyanyian kita boleh tahu kalau ditanya kalau dia berminat dari segi nyanyian kita banyakkkan dari segi nyanyian, dia minat lawak jenaka kita banyakkkan lawak jenaka.

MFF: Bagaimanakah cara untuk menerapkan minat golongan muda terhadap seni wayang kulit untuk masa yang akan datang?

EHS: Sebabnya buat masa sekarang ni saya wayang kulit saya ni kita buat kita ada - ada moden sikit, kita buat macam kita main dulu dia kita start daripada main sampai penamat habis maknanya kita buat dia berjalan dale [dalam] cerita saja, orang nak tahu asal usul dia cerita ni macam mana dia datang, siapakah ibu bapa dia sebab apa jadi pergaduhan tapi sekarang ni kita kena campur dengan dia panggil wayang kulit moden sebab wayang kulit moden ni kita tarik daripada belia-belie kita, belia-belie kita kalau tengok dari segi cerita dia tak faham, dia nak dia ada hiburan, hiburan ni kita buat lah nyanyian dia, nyanyian lagu __ lagu melayu dikir barat termasuk lah kita kata lagu hindustan apa maknanya kita tarik pelanggan ni maknanya dia semua - penonton tu dia ada tua ada muda semua dia boleh [boleh] tengok.

MFF: Soalan terakhir, apakah kesan sekiranya generasi muda zaman kini dan akan datang melupakan seni kebudayaan terutamanya wayang kulit ini?

EHS: Dia kita tengok buat masa sekarang ini dia kalau kita tengok daripada negeri daripada negeri Kelantan, dia kurang berminat pada wayang kulit sebabnya macam saya kata tadi, dia memang berminat tapi dia nak belajar tu memang susah [susah] sebabnya dia melibatkan suara haaa dia melibatkan suara.

TAMAT BAHAGIAN III

SESI 2

Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang wayang kulit. Bersama-sama kami ialah Encik Eyo Hock yang merupakan seorang tokoh wayang kulit terkenal. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 July 2023 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 4 petang bertempat di kediaman Encik Eyo Hock Seng. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Afiq Hakimi Bin Sabri dan Muhammad Faris Farhan Bin Mohd Shukri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN DALAM BIDANG WAYANG KULIT

MAH : Bilakah Pok Cu betul-betul mula bergiat aktif dalam bidang wayang kulit ini dan menjadikan sebagai kerjaya Pok Cu?

EHS : Saya mulakan daripada umur sembilan [9] tahun lagi. Ikut Tok Dalang wayang kulit lah. Mula-mula saya kena belajar alat muzik dulu. Biar kita semua dalam alat muzik tu kita boleh bermain. Lepastu dia bagi kita main dalam Tok Dalang Muda.

MAH : Tok Dalang Muda.

EHS : Sebab dia nak *testing* [mencuba] kita punya suara. Kita main Tok Dalang Muda lebih kurang dalam setengah jam [30 minit] lah tiap-tiap malam pun sebelum dia buat aa [berfikir] Tok Dalang bermain tu kita mula dengan Tok Dalang Muda dulu dan setengah jam [30] minit aaa [berfikir] selepas tu bila dia tengok kita punya --[berfikir] kemahiran tu.. Maknanya boleh [boleh] dari segi suara aaa..[berfikir] maka dia pindahkan kita jadi Tok Dalang Tua.

MAH : Oh.

EHS : Tok Dalang Tua ni peranan dia sebagai bawa ceritalah.

MAH : Pembawa cerita la.

MAH : Okay baik.

MAH : Soalan yang kedua[2]. Apa kenangan manis atau pahit Pok Cu sepanjang terlibat dalam bidang wayang kulit ini?

EHS : Kenangan tu boleh katakan pahit manis tu banyaklah berlaku semasa dulu terutama sekali masa dulu dia kurang *transport* [kenderaan].

MAH : Oo.

EHS : Kalau kita mai [mari] bukan, bukan dekat negeri Kelantanlah. Sampai seluruh Malaysia, seluruh Malaysia kalau kita mai [mari] tu, kita tidak boleh berulang alik aaa - kadang-kadang kita bermain dekat, pergi dekat sana luar negeri aaa - dia kadang cuaca musim tengkujuh - apa dia tidak boleh bermain kalau hujan tidak boleh bermain. Mesti kita tunggu, tunggu malam besok [esok]. Malam besok [esok] tak [tidak] boleh kita tunggu. Kalau kita janji kita main tiga [3] hari, kita akan duduk sampai seminggu [7 hari].

MAH : Oh.

EHS : Barulah habis.

MAH : Baik.

- MAH : Beralih kepada pengalaman, apakah pengalaman yang paling mencabar yang pernah dilalui oleh Pok Cu sepanjang menceburi bidang ini?
- EHS : Dia paling mencabar macam kita katakanlah - kita bermain sebagai Tok Dalang ni.. Kita kena - macam kita kata - Kita ni cukup - cukup mahir. Ha..(bunyi riang-riang) cukup mahir.. Selepas tu dia nak suruh kita main aa.. Satu [1] cerita. Cerita tajuk-tajuk dia kita pilih sendiri aaa..(berfikir) dengan dialog dia. Maksudnya kita kena susah sikit lah dengan cara spontan kita. Maksudnya sebab dia menggunakan skrip - dengan dialog dia. Dengan cerita dia.
- MAH : Oh, baik.
- MAH : Adakah Pok Cu pernah dijemput untuk membuat sebarang pertunjukan yang diadakan di peringkat antarabangsa selain daripada Malaysia?
- EHS : Saya boleh dikatakan, saya sudah bermain seluruh Malaysia dah. Termasuklah Sabah Sarawak. Saya bermain -- saya buat kontrak dengan dia punya jawatan warisan negara. Dia bawa saya, mula-mula dia bawa saya pergi kat [dekat] *Singapore* [Singapura].
- MAH : *Singapore* [Singapura] ?
- EHS : Thailand,Taiwan,Hong Kong,Indonesia,England dan Perancis.
- MAH : Oh.(kagum). Okay. (bunyi riang) Adakah Pok Cu juga pernah mengendalikan bengkel atau ceramah mengenai bidang wayang kulit ini?

EHS : Ada kadang-kadang dia. Dia panggil saya pergi ceramah ataupun buat bengkel cara buat wayang kulit - Itu di tempat Universiti atau - tempat-tempat maknanya pelajar lah. Pelajar tu dia nak buat bengkel suruh kita buat cara wayang kulit. Apakah wayang kulit dibuat daripada apa. Macam manakah kita nak buat dia punya bentuk. Dia punya patung. Lepastu kita kena main cara main dia. Macamtu - Banyak tempatlah.. Boleh katakan bukan setakat Malaysialah. Di luar negara pun ada buat macam tu.

MAH : **Okay. Pada pandangan Pok Cu, apakah persiapan yang paling penting yang perlu dilakukan sebelum nak membuat pertunjukan?**

EHS : Dia macam kalau kita katakan ore [orang] panggil kita nak main wayang kulit. Sebab wayang kulit ni, sekarang ni dia ada dia panggil wayang kulit moden.

MAH : **Em.. (mengangguk)**

EHS : Bila wayang kulit moden. Dia panggil saya kata hari raya cina ni kita nak bawa cerita. Berkenaan dengan raya cina -- Berkenaan raya cina, macam manakah? Kita nak tunjuk kepada penonton cara-cara, orang kita dulu - apa dia hari raya. Ha situlah tempatnya kita ada susah sikitlah. Kita kena buat patung. Tak boleh guna patung biasa.. Ha kita kena buat gambar naga. Ha gambar singa - ha gambar apani kata orang kampung.. Macam orang kampung zaman dulu dia pakai, pakaian dia ha sebab apa dia masatu dia pakaian dia macam ni ha. Apakah dia sambut hari raya, apa sebab dia. Haa, apakah sebabnya dia pasang mercun. Apa sebabnya dia sembahyang. Maknanya kita tunjuklah bahan-bahan dia tu kita kena buat. Buat dengan cara patung, patung yang moden.

MAH : **Oh. Baik.**

- MAH : Soalan seterusnya, berapa lamakah masa yang diambil untuk menghasilkan satu patung wayang kulit tu?
